



جَانِنْ بَلِيَا دَانْ سُوْكَنْ

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Laporan Aktiviti Kebeliaan & Kesukanan 2016

JBS

**LAPORAN PROGRAM BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
(JANUARI – MAC 2016)**

JANUARI 2016

1. DAY OF ACTION (D.O.A)

Ahad, 10 Januari 2016 (Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Julung-julung kali diadakan secara mengumpul agensi – agensi kesukarelawan sempena meraikan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa sejak tahun 2011 yang melibatkan lebih 1000 orang belia menyertai acara pada hari tersebut di keempat – empat daerah.
- Aktiviti : Soup Kitchen, membersihkan masjid, membersihkan dan membaik pulih rumah, membersihkan pantai, projek kitar semula, projek derma/wakaf, legal klinik, memberikan sumbangan amal berbentuk barang makanan dan keperluan dapur serta mengutip sumbangan peralatan persekolahan.
- Agensi Yang Terlibat : Lebih 20 buah agensi (Pejabat Daerah Belait, Tutong; JAPEM; Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; MPK Kampong Rimba; Majlis Kesejahteraan Masyarakat; MBB; Majlis AIDS Brunei; Persatuan Bulan Sabit Merah; Persatuan KESAN; Chevening Alumni, Adison Marketing Services; BorneoGuide; Green Brunei; Green Leaders Camp Alumni; Alumni SBYLEP; SCOT; Young Entrepreneurs Association Brunei; dan lain-lain.



2. LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE JABATAN BELIA DAN SUKAN

Rabu, 13 Januari 2016 (Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

- YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diberikan penerangan ringkas mengenai Jabatan Belia dan Sukan dan membuat lawatan ke bilik-bilik persatuan; Galeri Sukan Brunei; Pusat Biliard dan Snuker; bilik gymnasium dan Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan.



3. LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE JBS CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

Sabtu, 16 Januari 2016

- YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diberikan penerangan ringkas mengenai Cawangan Daerah Temburong dan membuat lawatan ke Pusat Belia dan sekitarnya; Pentadbiran Belia dan Sukan; Kompleks Sukan Temburong; Kolam Renang dan Gelanggang Sukan Terbuka.



4. LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE JBS CAWANGAN DAERAH BELAIT

Isnin, 25 Januari 2016

- YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diberikan penerangan ringkas mengenai Cawangan Daerah Belait dan membuat lawatan ke Pejabat Cawangan Daerah Belait; Pusat Belia; Kompleks Sukan Mumong dan Kompleks Sukan Arena Seria.



5. 11TH ASIAN LAWN BOWLS & 8TH ASIAN U25 SINGLES CHAMPIONSHIPS 2016 BRUNEI DARUSSALAM

24 Januari – 1 Februari 2016 (Pusat Boling Padang, KSNHB)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Penyertaan : 11 buah negara (China, Hong Kong, India, Jepun, Macau, Malaysia, Pakistan, Republik Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah).
- Kejayaan NBD : 1 pingat emas (Kategori Women Fours), 2 pingat perak (Kategori Perseorangan Wanita dan Kategori Men Fours) dan 4 pingat gangsa (Kategori Mixed Pairs, Women Pairs, Women Triples dan Perseorangan Lelaki Bawah 25 Tahun). Juara keseluruhan kejohanan adalah Malaysia (5 pingat emas dan 1 pingat gangsa).



FEBRUARI 2016

6. PROGRAM BELIA CINTA TANAH AIR KE-11, TAHUN 2016

- Keterangan : Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) diadakan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke-32 dan ianya dijalankan dalam tiga fasa dan beberapa acara sampingan iaitu Fasa 1: Kem Kenegaraan Belia (1 – 3 Februari), Fasa 2: Pelaksanaan Projek (13 Februari), Fasa 3: Menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Hari Kebangsaan ke-32 (23 Februari).
- Acara Sampingan : Majlis Menaikkan Bendera Besar dan Penyerahan Bendera Ke Rumah-Rumah Terpilih (7 Februari), Majlis Khatam Al-Quran 32 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke-32 (25 Februari) serta Majlis Penghargaan PBCTA11 (28 Februari).
- Penyertaan : Seramai 40 orang belia iaitu 23 lelaki dan 17 perempuan, berumur antara 18 hingga 30 tahun, dari keempat-empat daerah telah menyertai program berkenaan, dengan 15 daripadanya dari Daerah Brunei dan Muara, 9 dari Daerah Tutong, 9 dari Daerah Belait dan 7 dari Daerah Temburong.



Fasa 1: Kem Kenegaraan Belia



(Majlis Menaikkan Bendera Besar dan Penyerahan Bendera Ke Rumah-Rumah Terpilih)



Fasa 2: Pelaksanaan Projek



Fasa 3: Menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Hari Kebangsaan ke-32

7. MAJLIS KHATAM AL-QURAN 32 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-32, TAHUN 2016
Khamis, 25 Februari 2016

▪ Daerah Brunei dan Muara

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Tempat : Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.
- Keramaian : 1,196 orang peserta lelaki dan perempuan
(Mahasiswa Mahasiswi IPT, Penuntut-Penuntut daripada IPTB, Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah, Sekolah Ugama, Ahli-Ahli Persatuan Belia, Pelatih PKBN, Pelatih PPB, Peserta PBCTA, Sukarelawan-Sukarelawan, Belia-Belia Masjid, Qari dan Qariah MTQBK).



▪ Daerah Belait

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Pendidikan.
- Tempat : Masjid Mohd Jamalul Alam.
- Keramaian : 120 peserta lelaki dan perempuan
(Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, Penuntut-Penuntut daripada IPTB, Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah, Pelatih PPB dan Ahli-Ahli Persatuan Belia).



▪ Daerah Tutong

Tetamu Kehormat	:	Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Timbalan Menteri Pembangunan.
Tempat	:	Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Mukim Kiudang.
Keramaian	:	120 orang peserta lelaki dan perempuan (Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, Ahli-Ahli Persatuan Belia, Sukarelawan-Sukarelawan, dan Penuntut-Penuntut Pusat Tingakatan Enam dan Ma'had Islam Brunei).



▪ Daerah Temburong

Tetamu Kehormat	:	Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd Yussof, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.
Tempat	:	Masjid RPN Kampung Rataie.
Keramaian	:	130 orang peserta lelaki dan perempuan (Badan Kebajikan Guru-Guru Ugama, Ahli-Ahli Persatuan Belia dan Belia-Belia Masjid serta Muslimah Masjid).



8. MAJLIS PENGHARGAAN PROGRAM BELIA CINTA TANAH AIR KE-11 (PBCTA)

Ahad, 28 Februari 2016 (Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

- Hadir menyampaikan penghargaan ialah Yang Mulia Dato Paduka Dr Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Majlis memberikan penghargaan kepada peserta lelaki dan perempuan contoh PBCTA dan peserta perbarisan lelaki dan perempuan terbaik PBCTA.



9. MAJLIS MEMBERIGAKAN PUSAT BILLIARD DAN SNUKER KEPADA ORANG RAMAI

Ahad, 28 Februari 2016 (Pusat Biliard dan Snuker, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir menyaksikan ialah Yang Mulia Dato Paduka Dr Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Dibukakan kepada orang ramai mulai 28 Februari 2016 mengikut kadar penggunaan yang disediakan dengan tujuan untuk menyediakan venue kepada orang ramai khususnya peminat biliard dan snuker untuk bergiat dalam permainan ini ke arah pembangunan dan kemajuan sukan untuk negara.



10. LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE JBS CAWANGAN DAERAH TUTONG
Isnin, 29 Februari 2016

- YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diberikan penerangan ringkas mengenai Cawangan Daerah Tutong dan membuat lawatan ke Pejabat Cawangan Daerah Tutong, Dewan Serbaguna, Bilik Angkat Berat, Gelanggang Luar, Padang dan Belapan, Pusat Akuatik dan Pusat Belia.



MAC 2016

11. JENESYS2015 OUTBOUND PROGRAMME FOR JAPANESE HIGH SCHOOL STUDENTS TO BRUNEI DARUSSALAM
7 – 16 Mac 2016

- JENESYS merupakan sebuah program pertukaran belia yang dianjur dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Jepun sejak tahun 2007 untuk menjalinkan hubungan dua hala dan persahabatan, di samping mempromosi nilai-nilai budaya, adat resam dan memahami cara hidup masyarakat Jepun khususnya bagi para belia di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.
- Penyertaan: 20 orang penuntut dan 2 orang guru dari Niigata Prefectural Murakami Secondary Education School, Japan.



(Kunjung Hormat)

(Majlis Homestay Matching)

(Reporting Session)



APRIL 2016

1. MUSABAQAH TILAWATIL QUR'AN BELIA KEBANGSAAN 1437H/2016M

▪ Peringkat Saringan

Tarikh : 12 – 16 April 2016
Tempat : Pusat Belia, Bandar Seri Begawan
Jumlah Penyertaan : 78 Peserta (46 Qari dan 32 Qariah)

▪ Peringkat Separuh Akhir

Tarikh : 29 April dan 1 Mei 2016
Tempat : Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah
Jumlah Terpilih : 34 Peserta (17 Qari dan 17 Qariah)



Peringkat Saringan



Peringkat Separuh Akhir

2. PERLAWANAN AKHIR KEJOHANAN FUTSAL PIALA PENGARAH, JABATAN BELIA DAN SUKAN 2016

Sabtu, 23 April 2016 (Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir menyaksikan perlawanan dan menyampaikan hadiah-hadiah kemenangan ialah Yang Mulia Zafri bin Hj Mohamed, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.

- Keterangan : Kejohanan Futsal telah bermula pada 12 April yang lalu dan disertai oleh sembilan pasukan iaitu Bahagian Belia, Bahagian Prasarana dan Estet ‘A’, Bahagian Sukan ‘B’, Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Unit Latihan, JBS Tutong, JBS Temburong, Bahagian Prasarana dan Estet ‘B’, JBS Belait dan Bahagian Sukan ‘A’.

Pasukan JBS Temburong telah menjuarai kejohanan tersebut dengan mengalahkan Pasukan Bahagian Prasarana dan Estet ‘A’ dengan kemenangan 2 – 0.



MEI 2016

3. MAJLIS PENGUMUMAN KEPUTUSAN DAN PENYAMPAIAN CENDERAMATA MUSABAQAH TILAWATIL QUR'AN BELIA KEBANGSAAN 1437H/2016M PERINGKAT SEPARUH AKHIR Ahad, 1 Mei 2016 (Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Dato Paduka Dr Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai empat qari dan empat qariah bakal bertanding pada Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Peringkat Akhir yang akan diadakan pada hari Khamis, 26 Mei 2016 bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



4. PROGRAM PERTUKARAN BELIA DUA HALA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK KOREA

10 – 19 Mei 2016

- Keterangan : Program Pertukaran Belia Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah ditandatangani di bawah Perjanjian Persefahaman (MoU) antara kedua-dua buah negara pada tahun 2010 yang antara lain bertujuan bagi membantu dan mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Rombongan belia berkesempatan untuk hadir ke Majlis Resepsi Bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, melawat Daerah Belait dan Seria bagi bersama Pegawai Daerah Belait dan Majlis Perundingan Kampong Seria dan ke Daerah Tutong melawat Tasek Merimbun dan bersama Majlis Perundingan Kampong Kiudang serta ke Kampong Kelugos. Mereka juga dibawa melawat ke Pusat Pembangunan Belia, Masjid Omar Ali Saifuddien, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sebagainya serta menjalankan homestay bersama keluarga angkat selama dua hari, menghadiri sesi perkongsian bersama ahli-ahli Persatuan Belia dan hadir ke Majlis Makan Malam Perpisahan.

- Penyertaan : Sepuluh orang belia dari Republik Korea yang diketuai oleh Ms. Park Jin Young, Pegawai dari Ministry of Gender, Equality and Family.





5. PERLAWANAN AKHIR KEJOHANAN FUTSAL PIALA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA 2016

Rabu, 25 Mei 2016 (Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir menyaksikan perlawanan dan menyampaikan hadiah-hadiah kemenangan ialah Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kejohanan Futsal telah bermula pada 18 Mei yang lalu dan disertai oleh enam pasukan iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium-Muzium dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Pasukan Jabatan Belia dan Sukan muncul juara di kejohanan tersebut setelah mengalahkan Jabatan Pembangunan Masyarakat melalui sepakan penalti 3 - 1. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setelah mengalahkan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan 2 - 0.



6. MUSABAQAH TILAWATIL QUR'AN BELIA KEBANGSAAN 1437H/2016M PERINGKAT AKHIR
Khamis, 26 Mei 2016 (Dewan Digadong, Bangunan KKBS)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Terdapatnya peningkatan dari segi penyertaan belia qari dan qariah terutama sekali penyertaan di Daerah Brunei dan Muara. Statistik telah menunjukkan seramai 78 peserta dari Daerah Brunei dan Muara, 8 peserta dari Daerah Tutong, 6 peserta dari Daerah Belait dan 6 peserta dari Daerah Temburong yang membawa jumlah seramai 98 peserta dibandingkan dengan 77 peserta pada tahun sebelumnya.

Seramai empat qari dan empat qariah telah bertanding di musabaqah tersebut. Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili dan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki masing-masing muncul johan qari dan qariah dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND2,000, piala pusingan, piala irungan dan sijil penyertaan.



7. PROGRAM AHLAN YA RAMADHAN 1437H/2016M

Khamis, 2 Jun 2016 (Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir ialah Yang Mulia Zafri bin Hj Mohamed, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : Program diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi sambutan ketibaan bulan Ramadhan di kalangan generasi belia dengan aktiviti ilmiah dan keugamaan serta untuk melengkapkan para belia dengan ilmu pengetahuan mengenai tatacara dan adab di dalam menunaikan ibadah puasa dengan sempurna.
- Penyertaan : Ahli-ahli persatuan belia, Program Khidmat Bakti Belia, mahasiswa mahasiswa mahasiswi institusi-institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut sekolah dan para belia umumnya.



8. PROGRAM BELIA BERTAHLIL DI TANAH PERKUBURAN ORANG-ORANG ISLAM

▪ Daerah Brunei dan Muara

Tarikh : Jumaat, 3 Jun 2016
Tempat : Tanah Perkuburan Orang Islam Kampong Subok.
Keramaian : Seramai 61 orang terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah, Persatuan Pandu Puteri, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun, alumni Program Khidmat Bakti Negara dan penduduk kampong.



▪ Daerah Belait

Tarikh : Sabtu, 4 Jun 2016
Tempat : Tanah Perkuburan Orang Islam Batu 3
Keramaian : Seramai 106 orang terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah, belia-belia masjid, takmir masjid dan para belia umumnya.



▪ Daerah Tutong

Tarikh : Jumaat, 3 Jun 2016
Tempat : Tanah Perkuburan Orang-Orang Islam Pengkalan Jalor, Kampong Lubok Pulau
Keramaian : Seramai 106 orang yang terdiri daripada Alumni Program Khidmat Bakti Negara, penuntut-penuntut sekolah, belia Kampong Lubok Pulau, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Polis Daerah Tutong dan penduduk Kampong Lubok Pulau.



▪ Daerah Temburong

Tarikh : Jumaat, 3 Jun 2014
Tempat : Tanah Perkuburan Orang-Orang Islam Kampong Belais
Keramaian : Seramai 50 orang yang terdiri daripada ahli-ahli persatuan belia, penghulu dan ketua-ketua kampong dan para belia umumnya.



9. MAJLIS PENGANUGERAHAN GANJARAN KEMENANGAN SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN (SPKS)

Khamis, 9 Jun 2016 (Dewan Digadong Bangunan KKBS)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai 26 orang atlet, 5 orang jurulatih, 2 orang penolong jurulatih dan 5 Persatuan Sukan Kebangsaan telah menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Penerima-penerima ini adalah atlet-atlet dari sukan Taekwando, Wushu, Sepak Takraw, Pencak Silat dan Bola Jaring yang telah berjaya dan meraih pingat di Sukan SEA Ke-28 di Singapura pada 5 hingga 16 Jun 2016.



10. ROMBONGAN BELIA BERTADARUS AL-QUR'AN DI ISTANA NURUL IMAN

Selasa, 14 Jun 2016 (Istana Nurul Iman)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Keramaian : Seramai 160 belia terlibat yang terdiri daripada bekas peserta Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan, Alumni Program Khidmat Bakti Negara, bekas peserta Program Belia Cinta Tanah Air, Persatuan-persatuan belia, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2014, Pusat Pembangunan Belia, Sukarelawan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan peserta belia umumnya.



11. PROGRAM KEMBARA RAMADHAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

▪ Daerah Tutong

Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh : Rabu, 15 Jun 2016

Tempat : Masjid Perpindahan Kampong Bukit Beruang

Keramaian : Seramai 150 belia terlibat terdiri daripada ahli jawatankuasa takmir Masjid, Kumpulan Belia Masjid, persatuan-persatuan belia di Daerah Tutong, penuntut-penuntut sekolah menengah dan Pusat Tingkatan Enam serta penduduk kampong.



▪ **Daerah Belait**

Tetamu Kehormat	:	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Tarikh	:	Ahad, 19 Jun 2016
Tempat	:	Masjid Pekan Seria
Keramaian	:	Seramai 243 belia terdiri daripada Jabatan Pengajian Islam, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, penuntut-penuntut sekolah, ahli-ahli takmir masjid dan kumpulan belia masjid serta persatuan-persatuan belia.



▪ **Daerah Temburong**

Tetamu Kehormat :	Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Tarikh :	Selasa, 21 Jun 2016
Tempat :	Masjid Rancangan Perumahan Negara Rataie
Keramaian :	Seramai 185 belia terlibat terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah, persatuan-persatuan belia, Majlis Perundingan Kampong dan Mukim serta penduduk kampong.



12. MAJLIS BELIA BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Sabtu, 18 Jun 2016 (Kubah Makam Diraja)


- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Keramaian : Seramai 150 belia terlibat terdiri daripada persatuan-persatuan belia, alumni Program Khidmat Bakti Negara, Pusat Pembangunan Belia, bekas peserta Program Belia Antarabangsa, pemohon peserta Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun 2016, Sukarelawan Jabatan Pembangunan Masyarakat, belia Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Pengajian Islam.



13. MAJLIS PERHIMPUNAN BERTADARUS AL-QUR'AN BELIA SENEGERA 1437H/2016M

Rabu, 22 Jun 2016 (Jame' Asr Hassanal Bolkiah dan Masjid Omar Ali Saifuddien)

- Berangkat : Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.
- Keterangan : Majlis perhimpunan ini merupakan kali kelima ianya diadakan bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan yang Mubarak. Majlis telah diadakan di dua tempat iaitu Jame' Asr Hassanal Bolkiah bagi peserta lelaki dan Masjid Omar Ali Saifuddien bagi peserta perempuan.
- Keramaian : Seramai 2000 belia dan 1000 beliawinis terlibat yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia, penuntut-penuntut sekolah, bekas peserta program-program belia dan orang-orang perseorangan.





1. MAJLIS PERTEMUAN RAMADHAN BELIA

Jumaat, 1 Julai 2016 (Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Program diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan dikalangan generasi belia dengan aktiviti ilmiah dan keugamaan dan dapat menggunakan keupayaan dan potensi yang ada pada mereka untuk membangun intelektual, sahsiah, roh dan jasmani dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang disamping dapat meningkatkan hubungan silaturrahim antara pemimpin dan orang yang dipimpin (para belia).
- Penyertaan : Seramai 200 orang belia terdiri daripada persatuan-persatuan belia, alumni program-program antarabangsa, sukarelawan, belia-belia masjid dan para belia umumnya.



2. MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN MALAYSIA XVIII (SUKMA), SARAWAK 2016

Khamis, 14 Julai 2016 (Bilik VIP, Tingkat 1, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah menyertai Sukan Malaysia XVIII (SUKMA) di Sarawak pada 22 hingga 31 Julai 2016 dan kontinjen diketuai oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Yang Mulia Zafri bin Haji Mohamed selaku Chef de Mission. Atlet-atlet negara telah mengambil bahagian dalam 9 acara sukan yang dipertandingkan iaitu Akuatik (Renang), Berbasikal, Olahraga, Pencak Silat, Karate, Golf, Ten Pin Bowling, Taekwando dan Wushu. Penyertaan negara dalam kejohanan tahun ini adalah kali ke-10 dan pertama kali mengikuti SUKMA pada tahun 1996 di Pahang, Malaysia.
- Penyertaan : Kontinjen dianggotai seramai 52 orang iaitu seorang Chef de Mission, 32 orang atlet, 9 orang jurulatih, 2 orang pegawai urusetia, 2 orang pegawai perhubungan, 3 orang pengurus dan 3 ahli fisioterapi.



3. MAJLIS MENYAMBUT KEPULANGAN ATLET SUKAN TAEKWANDO DAN WUSHU DARI SUKAN MALAYSIA XVIII (SUKMA), SARAWAK 2016

Rabu, 27 Julai 2016 (Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Atlet sukan wushu telah berjaya membawa pulang satu pingat perak bagi acara Nandao melalui Mohd Adi Salihin bin Roslan dan tiga pingat gangsa bagi acara Poomsae Perseorangan Lelaki, Poomsae Perseorangan Wanita dan Feather Weight Over 63kg and Not Exceeding 68kg melalui Hyde Nachman Hijium, Hyde Nathania Hijium dan Ahmad Izzat Ahsanuddin bin Sofian.



OGOS 2016

4. MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN OLIMPIK XXXI, RIO DE JANEIRO, BRAZIL 2016

Iasnin, 1 Ogos 2016 (Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah menyertai Sukan Olimpik XXXI di Rio de Janeiro pada 5 hingga 21 Ogos 2016 dan kontinjen diketuai oleh Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission.
- Penyertaan : Chef de Mission, tiga orang atlet, seorang pengurus, dua orang jurulatih dan seorang pegawai urusetia.

Penyertaan atlet negara adalah di bawah kuota *Universality Places* yang telah diberikan oleh *International Association of Athletics Federations (IAAF)* melalui *International Olympic Council (IOC)* bagi 2 orang atlet olahraga iaitu Mohd Fakhri bin Ismail dan Maizurah binti Abdul Rahim. Mereka ini adalah penerima biasiswa atlet bagi menjalani latihan Sukan Olimpik Rio 2016 daripada *International Olympic Committee (IOC)* melalui *Olympic Solidarity Fund* bagi *Program Olympic Scholarship for Athletes Rio 2016*. Atlet Badminton iaitu Jaspar Woon Chai Yu adalah berdasarkan kepada jemputan daripada *Tripartite Commission Invitation Places* iaitu kuota yang diberikan oleh *Badminton World Federation (BWF)* melalui *International Olympic Committee (IOC)* yang berpandukan kepada *ranking point* pemain bagi zon Benua Asia.



5. KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERTOLAK KE SUKAN OLIMPIK XXXI, RIO DE JANEIRO, BRAZIL 2016

Isnin, 1 Ogos 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah menyertai Sukan Olimpik XXXI di Rio de Janeiro pada 5 hingga 21 Ogos 2016 dan kontinjen diketuai oleh Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission.
- Penyertaan : Mohd Fakhri bin Ismail telah menyertai acara 100 meter manakala Maizurah binti Abdul Rahim telah menyertai acara 200 meter juga dalam sukan olahraga. Bagi Jasper Woon Chai Yu pula, beliau telah menyertai acara *men's single* bagi sukan badminton.



6. RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN 2016

Ahad, 14 Ogos 2016 (Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien)

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Keputeraan pada 14 Ogos 2016.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

- Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama dengan Kementerian-Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pembangunan, Perhubungan, Kesihatan dan Persekutuan Basikal Brunei Darussalam telah menganjurkan Riadah Berbasikal Keputeraan 2016 yang julung-julung kali diadakan bagi merafakkan kesyukuran dan merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun yang bertujuan antara lain ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan perpaduan menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus kepada pewujudan warga sihat dan sebagai salah satu usaha untuk membantu mengurangkan masalah obesiti dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Riadah Berbasikal Keputeraan 2016 telah mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 15 kilometer dan telah melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar, Jalan Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah, Jalan Tasek, Jalan Kianggeh dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Seramai 70 peserta turut memeriahkan lagi acara berbasikal sejauh 70 kilometer yang terdiri daripada atlet kebangsaan, jurulatih basikal, ahli-ahli Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, ahli kelab-kelab berdaftar di bawah Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, wakil-wakil dari kementerian dan jabatan kerajaan serta para belia.

Acara riadah juga mampu menarik pelancong dari negara jiran seperti penyertaan dari Miri, Sarawak yang ikut sama dan ini sekali gus inisiatif bagi memperkenalkan tempat-tempat menarik di sepanjang laluan seperti Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Tamu Kianggeh dan Sebagainya dalam memajukan sector pelancongan negara.

- Penyertaan : Lebih daripada seribu orang penunggang basikal yang terdiri daripada orang ramai.





7. MAJLIS PENGHARGAAN RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN 2016 BAGI PESERTA 70 KM
 Isnin, 22 Ogos 2016 (Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Majlis telah diadakan bagi meraikan para peserta yang telah menyertai acara berbasikal sejauh 70 kilometer semasa acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2016 yang telah diadakan pada 14 Ogos 2016.

Para peserta seramai 70 orang itu terdiri daripada atlet kebangsaan, jurulatih basikal, ahli-ahli Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, ahli kelab-kelab berdaftar di bawah Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, wakil-wakil daripada kementerian dan jabatan kerajaan serta para belia.



8. KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PULANG DARI SUKAN OLIMPIK XXXI, RIO DE JANEIRO, BRAZIL 2016

Selasa, 23 Ogos 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai lapan ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada seorang Chef de Mission, tiga orang atlet, seorang pengurus, dua orang jurulatih dan seorang pegawai urusetia telah pulang ke tanahair selepas bertanding di Sukan Olimpik XXXI, Rio de Janeiro, Brazil.



9. LAWATAN RASMI NATIONAL DEFENCE COLLEGE OF BANGLADESH KE JABATAN BELIA DAN SUKAN

Khamis, 24 Ogos 2016 (Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Keterangan : Seramai 22 orang delegasi National Defence College of Bangladesh telah membuat lawatan rasmi ke Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Delegasi diketuai oleh Pengarah Kakitangan Kanan di National Defence College, Bangladesh, Air Vice Marshal, M Sanaul Huq.

Di antara lawatan tersebut adalah taklimat mengenai kebeliaan di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan. Lawatan diteruskan dengan melawat Galeri Sukan Brunei Darussalam.



SEPTEMBER 2016

10. LARIAN HARI KEPUTERAAN 2016

Ahad, 4 September 2016

Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Larian Hari Keputeraan 2016 serentak di keempat-empat daerah yang pada utamanya untuk memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun.

Larian Hari Keputeraan 2016 adalah pendekatan untuk rakyat dan penduduk negara ini merafakkan kesyukuran dan merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui cabang sukan dan sekaligus menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan riadah secara berterusan serta memupuk perpaduan, persefahaman dan kerjasama di kalangan lapisan masyarakat demi pembangunan dan kemajuan sukan untuk negara.

▪ Daerah Brunei dan Muara

Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
Menteri Pendidikan.

Tempat : Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Penyertaan : Lebih dari 4376 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.





▪ Daerah Belait

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Menteri Pembangunan.
- Tempat : Taman Persiaran Jalan Sungai Kuala Belait.
- Penyertaan : Lebih 520 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.



▪ Daerah Tutong

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Tempat : Kompleks Sukan Tutong.
- Penyertaan : Lebih 1051 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.



▪ Daerah Temburong

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi,
Menteri Kesihatan.
- Tempat : Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.
- Penyertaan : Lebih dari 487 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.



11. MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN PANTAI ASIA KE-5, DA NANG, VIETNAM 2016

Iasnin, 19 September 2016 (Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah menyertai kejohanan Sukan Pantai Asia Ke-5, Da Nang, Vietnam 2016 yang diadakan pada 24 September hingga 3 Oktober 2016. Kontinjen negara diketuai oleh Yang Mulia Awang Kifli bin Haji Jaafar selaku Chef de Mission.
- Penyertaan : Kontinjen terdiri daripada seorang Chef de Mission, enam orang atlet, seorang pengurus, seorang jurulatih dan seorang ahli fisioterapi. Atlet-atlet tersebut telah mengambil bahagian dalam sukan Sepak Takraw bagi acara Trio Lelaki dan Regu Lelaki.



12. KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERTOLAK KE SUKAN PANTAI ASIA KE-5, DA NANG, VIETNAM 2016

Khamis, 22 September 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok
Dato Seri Paduka Haji Abidin,
Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Keterangan : Seramai 9 ahli kontinjen negara telah berlepas ke Da Nang, Vietnam bagi mengikuti kejohanan Sukan Pantai Asia Ke-5. Ini adalah penyertaan negara kali ke-5 pada Sukan Pantai Asia dan ini adalah misi mempertahankan pingat emas dalam sukan Sepak Takraw bagi acara Trio Lelaki yang telah diperolehi di Sukan Pantai Asia Ke-4, Phuket, Thailand.



OKTOBER 2016

1. MAJLIS MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI SUKAN PANTAI ASIA KE-5, DA NANG, VIETNAM 2016

Selasa, 4 Oktober 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah pulang ke tanah air selepas bertanding di Sukan Pantai Asia Ke-5 di Da Nang, Vietnam dan atlet-atlet sukan Sepak Takraw telah berjaya membawa pulang satu pingat gangsa bagi acara Trio Lelaki. Penyertaan negara adalah kali ke-5 di Kejohanan Sukan Pantai Asia dan penyertaan terakhir Negara Brunei Darussalam adalah pada tahun 2014 di Sukan Pantai Asia Ke-4, Phuket, Thailand dengan memperolehi satu pingat emas. Kejohanan Sukan Pantai Asia Ke-6 akan diadakan pada tahun 2020 di Goa, India.



2. MAJLIS MENGHANTAR ROMBONGAN BELIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM THE ASEAN YOUTH REPRESENTATIVES IN EXPERIENCING THE PHILOSOPHY OF SUFFICIENCY ECONOMY (AY-REPSE, 2016) BANGKOK, THAILAND

Selasa, 4 Oktober 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Rombongan belia seramai tujuh orang telah bertolak ke Bangkok, Thailand bagi menyertai program *The ASEAN Youth Representatives in Experiencing The Philosophy of Sufficiency Economy (AY-REPSE, 2016)* yang diadakan selama 14 hari mulai 4 hingga 17 Oktober 2016. Di antara objektif program ialah untuk meningkatkan dan mengukuhkan persefahaman mengenai inisiatif Kerajaan Thailand untuk wakil-wakil belia ASEAN dan menggunakan sebagai panduan kepada pembangunan mampan bersepadu di setiap negara ASEAN.
- Penyertaan : Seramai tujuh orang belia yang terdiri daripada pegawai kerajaan, mahasiswa Universiti Brunei Darussalam dan persatuan-persatuan belia. Rombongan diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Outward Bound Brunei Darussalam.



3. MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN BARU HIJRAH 1438 BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA
Khamis, 13 Oktober 2016 (Dewan Digadong, Bangunan KKBS)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Majlis dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan dengan tujuan berterusan dalam memeriahkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam disamping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dikalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.
- Aturcara : Ceramah khas bertajuk 'Harta Berkat Negara Selamat' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar selaku penceramah undangan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid.



Majlis Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1438



Yang Berhormat Pehin menyampaikan cenderamata kepada penceramah undangan dan pembaca doa

4. PROGRAM RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-43, 2016

4(a). MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEBANGSAAN KEPADA KONTINJEN RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-43, 2016

Jumaat, 21 Oktober 2016 (Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Majlis penyerahan bendera negara telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Pengiran Kamal Ariffin bin Pengiran Haji Md. Yassin selaku Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-43.
- Aturcara : Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan dan seterusnya ucapan dari tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis diteruskan dengan penyerahan bendera kepada Ketua Kontinjen. Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki turut menyerahkan tiket penerbangan kepada kontinjen negara.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesempatan menerima kunjungan Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-43 dengan pengenalan serta soal jawab.



4(b). PREVIEW PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN DAN PAMERAN BAGI PROGRAM RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-43, 2016
Isnin, 17 Oktober 2016 (Dewan Digadong, Bangunan KKBS)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinen Negara Brunei Darussalam telah membuat Pratonton Persembahan Kebudayaan dan Pameran yang bakal dibawakan dalam Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-43. Program bermula pada 25 Oktober hingga 15 Disember 2016, selama 51 hari bersama 330 orang belia dari 11 buah negara dengan menggunakan Kapal Nippon Maru dengan singgah ke beberapa buah negara iaitu Bandar Ho Chi Minh, Vietnam; Bangkok, Thailand; Singapura; Jakarta, Indonesia dan berakhir di Tokyo, Jepun.
- Penyertaan : Diwakili seramai 29 orang belia iaitu seorang Ketua Kontinen, 14 peserta lelaki dan 14 peserta perempuan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta serta belia-belia perseorangan.
- Program Pratonton : Para peserta telah membuat persembahan kebudayaan dengan tema *Cradle of Brunei Darussalam* yang mempersembahkan tarian-tarian etnik Brunei (*Ethnic Extravaganza*).



4(c). MAJLIS SELAMAT BELAYAR BAGI KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-43, 2016

Isnin, 24 Oktober 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-43 yang mana merupakan program pertukaran belia antarabangsa khusus bagi negara-negara ASEAN dan Jepun bermula sejak 1974 dengan tujuan bagi melahirkan kesefahaman dan kerjasama antarabangsa dikalangan belia-belia ASEAN dan juga Jepun, disamping mempelajari adat budaya, politik dan pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam tahun ini merupakan kali ke-31 sejak penyertaan rasmi negara pada tahun 1985.



4(d). MAJLIS MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN PROGRAM RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-43, 2016

Jumaat, 16 Disember 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Ke-43 telah selamat kembali ke tanah air selepas menyertai program selama 52 hari yang bermula pada 24 Oktober hingga 15 Disember 2016.

Turut hadir menyambut kepulangan mereka ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan serta para pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5. MESYUARAT POST-MORTEM SUKAN OLIMPIK XXXI, RIO DE JANEIRO, BRAZIL 2016

Rabu, 19 Oktober 2016 (Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Post-Mortem Sukan Olimpik XXXI, Rio de Janeiro, Brazil 2016.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan Atlet Kebangsaan.

- Aturcara : Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda dengan memberi nasihat demi meningkatkan lagi prestasi atlet negara pada kejohanan sukan yang akan datang.

Post-Mortem juga telah mendengarkan Laporan Kontinjen Sukan Olimpik XXXI, Rio de Janeiro, Brazil 2016 disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku *Chef de Mission* dan disusuli dengan sesi soal jawab.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- Keterangan : Negara Brunei Darussalam telah menghantar seramai lapan orang ahli kontinjen terdiri daripada *Chef de Mission*, tiga orang atlet, seorang pengurus, dua orang jurulatih dan seorang pegawai urusetia. Dayang Maizurah binti Abdul Rahim, atlet olahraga telah berjaya memecahkan rekod peribadi beliau. Manakala Mohd Fakhri bin Ismail, juga atlet olahraga telah mampu melayakkan diri ke *advance round*. Bagi atlet badminton pula iaitu Jaspar Yu Woon Chai telah menunjukkan permainan yang baik kerana dapat mengimbangi mutu permainan pemain-pemain tahap dunia iaitu pemain dari Hong Kong rank ke-12 dan dari Sepanyol rank ke-34.



Mesyuarat Post-Mortem Sukan Olimpik XXXI, Rio de Janeiro, Brazil 2016

6. PERTUKARAN BADMINTON BRUNEI-JEPUN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-70 TAHUN

24 - 27 Oktober 2016

6(a). ROMBONGAN PEMAIN KEBANGSAAN BADMINTON JEPUN ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

Isnin, 24 Oktober 2016 (Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

- Keterangan : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada pemain kebangsaan Persatuan Badminton Jepun sempena program Pertukaran Badminton Brunei-Jepun pada 24 Oktober 2016.

Seramai tujuh orang rombongan Persatuan Badminton Nippon terdiri daripada lima pemain badminton kebangsaan Nippon iaitu Sho Sasaki, Yu Igarashi, Kenya Mitsuhashi, Miyuki Kato, Miki Kashihara, Yosuke Nakanishi selaku jurulatih dan ketua rombongan Mr. Yoshinori Uematsu.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki.



Kunjungan Hormat Rombongan Pemain Badminton Kebangsaan Jepun Kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

6(b). MAJLIS WELCOMING DINNER PERTUKARAN BADMINTON BRUNEI-JEPUN

Ismen, 24 Oktober 2016 (Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Rombongan pemain kebangsaan Persatuan Badminton Nippon telah diraikan di Majlis *Welcoming Dinner* yang diberikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ahli-ahli Jawatankuasa Pertukaran Badminton Brunei-Jepun.



6(c). PERLAWANAN PERSAHABATAN PERTUKARAN BADMINTON BRUNEI-JEPUN

Selasa, 25 Oktober 2016 (Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

- Keterangan : Pasukan Jepun telah membuat Pertukaran Badminton Brunei-Jepun sempena Memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun bermula 24 hingga 27 Oktober 2016. Rombongan terdiri daripada pemain profesional Jepun dan pemain kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Di antara program pertukaran tersebut ialah lawatan ke Sekolah Sukan, Sekolah Antarabangsa Jerudong, Sekolah Antarabangsa Brunei, Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, klinik kejurulatihan bersama pemain-pemain skim badminton Negara Brunei Darussalam dan penuntut-penuntut sekolah menengah dan sebagainya.

Perlawanan pertama telah disaksikan oleh kira-kira 500 orang peminat badminton. Turut hadir ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ahli-ahli Persatuan Badminton Kebangsaan.

- Aturcara : Perlawanan dirasmikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki. Perlawanan diikuti dengan persembahan demonstrasi permainan badminton perseorangan lelaki dan bergu lelaki dari kedua buah negara.

Lima pemain kebangsaan Persatuan Badminton telah menunjukkan permainan yang baik walaupun masing-masing kalah kepada lima pemain kebangsaan Persatuan Badminton Nippon. Jaspar Yu Woon Chai dikalahkan oleh Sho Sasaki dalam Kategori Perseorangan Lelaki dengan keputusan 21-10 dan 21-5. Sementara Kategori Bergu Wanita, Siti Nurhayati binti Jefri dan Siti Marinah binti Mohd. Salleh tewas kepada Miyuki Kato dan pasangannya Miki Kashihara 21-5 dan 21-8. Bagi Kategori Bergu Lelaki, pasangan Masruru Fuad bin Haji Asmat dan Md. Shahirul bin Md. Jenin kalah 25-23 dan 21-6 kepada Yu Igarashi dan Kenya Mitsuhashi.





6(d). PERLAWANAN PERSAHABATAN KEDUA PERTUKARAN BADMINTON BRUNEI-JEPUN

Rabu, 26 Oktober 2016 (Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman telah berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Persahabatan Kedua Pertukaran Badminton Brunei-Jepun.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

- Keterangan : Program Pertukaran Badminton Brunei-Jepun diteruskan pada hari kedua dengan perlawan persembahan, satu Kategori Perseorangan dan dua Kategori Bergu Lelaki dan Wanita. Seramai kira-kira 300 penonton telah menyaksikan perlawan kedua ini.
- Aturcara : Perlawan pertama menyaksikan persaingan antara Awang Muhd. Syazani Aiman bin Adnan dan Yu Igarashi dalam Kategori Perseorangan Lelaki di mana Yu Igarashi memenangi kategori tersebut dengan keputusan 7-21 dan 8-21. Kategori Bergu Wanita berjaya dimenangi oleh pasangan Miyuki Kato dan Miki Kashihara setelah berjaya mengalahkan pasangan Dayang Noornekma Rainah binti Haji Rosley dan Dayang Amalina Aliah binti Haji Gapor dengan keputusan 10-21 dan 8-21. Bagi Kategori Bergu Lelaki kombinasi dua buah negara, pasangan Awang Abdul Raiaiman dan Sho Sasaki kalah 9-11, 11-7 kepada pasangan Awang Ahmad Mahyuddin bin Haji Abas dan Kenya Mitsuhashi.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Persahabatan Kedua Pertukaran Badminton Brunei-Jepun.



Persatuan Badminton Jepun dan Negara Brunei Darussalam



7. RIADAH BERBASIKAL SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI ULANG TAHUN PENUKARAN NAMA BANDAR BRUNEI KEPADA BANDAR SERI BEGAWAN KE-46 DAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-11 TAHUN 1438H/2016M

Ahad, 30 Oktober 2016 (Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemerat duli menyertai Riadah Berbasikal Sempena Sambutan Memperingati Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan Ke-46 dan Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 Tahun 1438H/2016M.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

- Keterangan/Aturcara : Riadah Berbasikal sejauh 11.3km mengelilingi Pusat Bandar Seri Begawan dengan melintasi beberapa bangunan-bangunan ikonik dan bersejarah seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bangunan Lapau, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Riadah Berbasikal mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan lebih seribu orang ramai. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan juga menyertai bersama orang ramai dalam sama-sama memeriahkan lagi riadah berbasikal.


Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menyaksikan secara lebih dekat lagi kemeriahinan Bandarku Ceria lebih-lebih lagi dengan penglibatan belia-belia dari pelbagai peringkat umur dengan mengadakan pelbagai aktiviti seperti senamrobik, jualan-jualan dan bermacam-macam lagi semasa program Bandarku Ceria yang telah masuk minggu kelima sejak ianya bermula pada 2 Oktober yang lalu.



Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta Kerabat Diraja berkenan menyertai Riadah Berbasikal



8. PROGRAM PERTUKARAN BELIA DAERAH 2016 SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-11, 2016

8(a). MAJLIS MENGALU-ALUKAN PESERTA PROGRAM PERTUKARAN BELIA DAERAH 2016

Rabu, 2 November 2016 (Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

- **Keterangan :** Program Pertukaran Belia Daerah buat julung kalinya telah bermula pada 2 hingga 4 November 2016. Program tersebut diadakan adalah untuk perkumpulan dan perpaduan belia-belia dari keempat-empat daerah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kehidupan untuk sama-sama memeriahkan dan mendukung Sambutan Hari Belia Kebangsaan.
- **Program :** Program dimuatkan dengan pelbagai aturcara dan aktiviti seperti taklimat khas mengenai Pusat Autism SMARTER Brunei. Para peserta juga dibawa menyertai Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, 2016 di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku Katok bagi menunaikan solat berjemaah Maghrib dan Isyak serta bacaan Surah Yaasin.

Selain itu, para peserta program turut menghadiri Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Antara lain pengisian aktiviti yang dijadualkan ialah Menunaikan Solat-Solat Fardu di Masjid-Masjid Berlainan, Aktiviti Projek Berkumpulan, Kempen Kebersihan di Masjid Kampung Pulaie, Aktiviti 'Jalinan Kasih' dengan membuat lawatan ke Pusat KACA Brunei dan Pusat Autism SMARTER Brunei serta berpeluang berinteraksi bersama insan-insan istimewa di pusat-pusat berkenaan.

Para peserta juga mendengar ceramah bertajuk 'Transformasi Belia dalam Islam' yang disampaikan oleh Ustazah Pengiran Norhayati bin Pengiran Haji Kasharan dan Kuliah Subuh bertajuk 'Mengenali Diri sebagai Belia Islam' yang disampaikan oleh Ustaz Dr. Haji Ismuhamdi bin Haji Abdullah di Masjid Ash-Shaliheen.

Turut menyertai salah satu aktiviti program tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa sembahyang fardhu Subuh di Masjid Ash-Shaliheen. Yang Berhormat juga memberikan kata-kata nasihat kepada peserta-peserta program tersebut.

- **Penyertaan :** Seramai 16 orang dari Daerah Brunei dan Muara, 15 orang dari Daerah Belait, 25 orang dari Daerah Tutong dan 7 orang dari Daerah Temburong yang membawa jumlah seramai 63 orang belia-belia yang berumur antara 15 hingga 25 tahun telah menyertai Program Pertukaran ini secara sukarela terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah dari keempat-empat daerah.



Yang Berhormat Pehin bersama para peserta menuaike sembahyang fardhu Subuh di Masjid Ash Shaliheen



Diantara aktiviti-aktiviti semasa Program Pertukaran Belia Daerah 2016

8(b). MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL PROGRAM PERTUKARAN BELIA DAERAH 2016

Jumaat, 4 November 2016 (Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir : Yang Mulia Haji Zafri bin Haji Mohamed,
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai 63 orang belia dari keempat-empat daerah telah menerima
sijil penyertaan setelah berjaya mengikuti program yang julung kali
diadakan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11.



9. MAJLIS SOLAT FARDHU MAGHRIB DAN ISYAK BERJEMAAH, BACAAN SURAH YAASIN, BERTAHLIL SERTA DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-11
Rabu, 2 November 2016 (Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampong Tungku, Katok)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Majlis Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11 Bagi Tahun 2016.
- Penyertaan : Majlis disertai ahli-ahli Persatuan-Persatuan Belia; ahli Badan Sukarelawan Belia Daie, Pusat Da'wah Islamiah; Mahasiswa Insititut Pengajian Tinggi; Alumni Program Khidmat Bakti Negara; Pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia; Rekrut-rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Rekrut-rekrut Bomba dan Penyelamat; Bekas Peserta SSEAYP; ahli-ahli Kelab Pusat Belia; belia-belia masjid; ahli-ahli Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pengiran Muda Abdul Malik, Kampong Tungku, Katok dan penduduk sekitar Kampong Tungku dengan penyertaan kira-kira 600 orang.



10. MAJLIS SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-11, 2016

Khamis, 3 November 2016 (Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11, 2016.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

▪ Keterangan :

- Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2016 bertemakan ‘Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi’ adalah untuk melihatkan para belia sebagai generasi penerus pembangunan negara yang akan dapat mendokong usaha merealisasikan Wawasan Negara 2035 iaitu ke arah rakyat yang berpendidikan; berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Keterlibatan para belia sebagai pemangkin transformasi di dalam proses transformasi negara adalah penting. Perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik.
- Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2016 telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, venue baru dari yang selalu diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah ke arah pembaharuan dan bagi acara Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan pameran dengan mengetengahkan lebih seribu orang belia yang berkeberhasilan menurut tunjang, tunggak atau pilar masing-masing iaitu Pilar Kepimpinan dan Kecemerlangan, Tenaga Mahir/Professional, Pendidikan dan Perkembangan Diri, Kesihatan, Kreatif Industri, Perkhidmatan Kepada Orang Lain dan Negara, Persefahaman Antarabangsa, Usahawan Muda Berjaya, Persatuan Belia dan Sukan dan Calon Penerima Anugerah Belia Kebangsaan.

▪ Aturcara :

- Acara dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan, diikuti dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ikrar belia, persembahan koir, tayangan video yang dibuat oleh para belia dan acara kemuncak sambutan ialah penyampaian Anugerah Belia Kebangsaan 2016 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Persatuan Untuk Belia. Penerima Anugerah Belia Cemerlang pada tahun ini ialah Pengerusi Persatuan Wanita Kampung Junjungan, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli; Penerima Anugerah Belia Berkhidmat pula ialah Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abd. Rahman. Manakala, Anugerah Pemimpin Muda Belia ialah Awang Mohammad Anwar bin Awang Haji Mohammad daripada *Society For Community Outreach and Training (SCOT)* dan Anugerah Projek Cemerlang Persatuan untuk Belia ialah Projek SCOT Green Xchange (GX) daripada SCOT.




Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Sembah alu-aluan

Ikrar Belia



Koir Belia

Pengishtaran Anugerah Belia



Penerima Anugerah Belia Cemerlang ialah
Dyg Siti Huzzaimah Yadey binti Hj Rosli



Penerima Anugerah Belia Berkhidmat ialah
Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abd Rahman




Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia ialah
Awang Mohammad Anwar bin Awang Hj Mohammad



Penerima Anugerah Projek Cemerlang Persatuan
Untuk Belia ialah Projek SCOT Green Xchange



Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan Pameran Dengan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan Pameran Dengan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam





Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan Pameran Dengan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan Pameran Dengan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan
menandatangani Lembaran Kenangan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima
Pesambahan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
bergambar ramai bersama Pemenang Anugerah dan ahli panel hakim

11. DELEGASI BELIA BERTOLAK KE JENESYS2016 PEACE BUILDING EXCHANGE COMPOSITE PROGRAM

Isnin, 7 November 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Delegasi belia telah bertolak ke Tokyo, Jepun bagi menyertai *JENESYS2016 Peace Building Exchange Composite Program* yang diadakan mulai 8 hingga 15 November 2016.

JENESYS merupakan sebuah program pertukaran belia yang dianjurkan dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun sejak tahun 2007 untuk menjalankan hubungan dua hala dan persahabatan di samping mempromosi nilai-nilai budaya, adat resam dan memahami cara hidup masyarakat Jepun.

Sepanjang lapan hari program ini dijalankan, para peserta belia berpeluang untuk mengikuti beberapa aktiviti seperti orientasi, mendengarkan taklimat mengenai Jepun, membuat kunjungan hormat kepada kerajaan tempatan di Jepun, membuat lawatan ke Hiroshima dan Nagasaki Prefecture, *homestay* bersama keluarga angkat dan sebagainya.

- Penyertaan : Seramai sepuluh orang belia terdiri daripada penuntut-penuntut daripada *Cosmopolitan College of Commerce and Technology, Laksmana College of Business, International Graduates Studies College*, Politeknik Brunei dan *Kemuda Institute* yang diketuai oleh Dayang Siti Rahmah binti Haji Abdul Mutalif.



12. BELIA NEGARA SERTAI ASEAN-INDIA STUDENTS' EXCHANGE PROGRAMME

Ahad, 20 November 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : Delegasi belia telah bertolak ke Mumbai, India bagi mengikuti *ASEAN-India Students' Exchange Programme* yang diadakan mulai 20 hingga 29 November 2016.

ASEAN-India Students' Exchange Programme ini telah diilhamkan oleh Perdana Menteri India, Dr Manmohan Singh pada tahun 2007 sebagai program suai kenal untuk membina pemahaman mengenai budaya dan ekonomi antara kedua-dua rantau dinamik Asia. Lima lawatan pertukaran telah diadakan dengan jayanya, yang dijalankan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, India, dan Gabungan Industri India (CII). Lawatan tersebut telah merangkumkan sejarah, budaya, kepimpinan, akademik dan komponen ekonomi dan membolehkan pelajar-pelajar ASEAN untuk mengetahui lebih banyak mengenai India yang moden dan bertenaga.

Program tersebut bertujuan untuk menggalakkan pertukaran idea, nilai dan budaya di kalangan semua peserta di samping untuk menjadi proaktif dalam menggalakkan keamanan dan persefahaman.

Di sepanjang sepuluh hari program ini dijalankan, para peserta belia berpeluang untuk melawat Mumbai, Pune, Agra dan New Delhi serta mengikuti beberapa aktiviti seperti membuat lawatan ke kilang-kilang seperti *Godrej & Boyce Mfg. Co. Ltd.*, *Tata Motors* dan *Maruti Factory* dan tempat-tempat bersejarah seperti *Taj Mahal*, *Humayun's Tomb* dan *Agra Fort* serta berinteraksi bersama penunut-penuntut kolej dan universiti dan sebagainya.

- Penyertaan : Seramai empat orang belia terdiri daripada pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan dan graduan-graduan dari Universiti Brunei Darussalam, *Keele University* dan Sekolah Vokasional Wasan.



13. LAPAN BELIA SERTAI THE 18TH ASEAN-KOREA FUTURE-ORIENTED YOUTH EXCHANGE PROGRAMME: ASEAN-KOREA YOUTH SQUARE, SEOUL, KOREA

Khamis, 24 November 2016 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : *The 18th ASEAN-Korea Future-Oriented Youth Exchange Programme: ASEAN-Korea Youth Square* ini menjemput para belia dari negara-negara ASEAN dan Republik Korea untuk mempersemprehankan kebudayaan dan sejarah mereka melalui pertukaran budaya. Para peserta diberikan peluang untuk meluahkan ilham dan bermotivasi untuk merangka masa depan, demi membina asas yang kukuh bagi komuniti Pan-Asia di masyarakat global.

Tema keseluruhan program tersebut ialah *ASEAN-Korea Youth, Capturing Seoul on Film* yang mana program pada tahun ini berdasarkan pada pembinaan kepelbagaian budaya Asia dan kerjasama antara belia Korea dan ASEAN melalui mereka bentuk dan membuat penggambaran filem bersama-sama. Ia juga berdasarkan pada penilaian pemahaman melalui pengalaman kerjasama dalam menyerapkan dan mengharmonikan budaya belia Asia di bawah program pertukaran budaya.

Di sepanjang mereka berada di Seoul, Korea selama enam hari mulai 25 hingga 30 November ini, para belia telah menjelajah di sekitar Seoul dengan konsep *ASEAN-Korea Youth designing and shooting film together in Seoul* untuk memfilemkan apa yang mereka ingin tahu dan tunjukkan mengenai Seoul termasuk aktiviti pertukaran mereka. Mereka juga telah diperkenalkan kepada Sekretariat ASEAN serta melawat *Youth Flea Market* dan mengikuti *ASEAN-Korea Booth Festival*.

Selain pertukaran budaya, program bertujuan untuk mendedahkan belia kepada kepelbagaian aktiviti, di samping memberi inspirasi kepada satu sama lain dan menjalin semangat Asia untuk masa depan yang lebih baik.

- Penyertaan : Seramai lapan orang belia terdiri daripada ahli Persatuan-Persatuan Belia, penuntut-penuntut sekolah dan mahasiswa universiti, jurugambar, juruvideo dan pengusaha-pengusaha Production House yang diketuai oleh Awang Muhammad Thaqib bin Md Tuah, graduan Universiti Brunei Darussalam selaku Ketua Rombongan.



14. CHINA GUANGXI INTERNATIONAL YOUTH EXCHANGE INSTITUTE VISIT TO BRUNEI DARUSSALAM
29 November – 2 Disember 2016

14(a). ROMBONGAN CHINA GUANGXI INTERNATIONAL YOUTH EXCHANGE INSTITUTE ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Khamis, 1 Disember 2016 (Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

- **Keterangan :** Satu rombongan lawatan dari *China Guangxi International Youth Exchange Institute*, Republik Rakyat China telah berada di Negara Brunei Darussalam selama empat hari bermula 29 November hingga 2 Disember 2016. Tujuan utama lawatan yang julung-julung kali diadakan ini adalah untuk berjumpa dan berkongsi pengalaman dengan alumni ASEAN Young Leaders Training Programme.

Sehubungan dengan itu, rombongan telah membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- **Penyertaan :** Seramai enam orang dari *China Guangxi International Youth Exchange Institute*, Republik Rakyat China yang diketuai oleh Mr Weng Hua, wakil daripada *China Guangxi International Youth Exchange Institute*.



14(b). MAJLIS PERJUMPAAN ALUMNI ASEAN YOUNG LEADERS TRAINING PROGRAMME

Rabu, 30 November 2016 (Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, BSB)

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Dayang Mariam binti Ulat, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan.
- Keterangan : Majlis perjumpaan telah diadakan buat pertama kalinya dengan alumni *ASEAN Young Leaders Training Programme* sejak program tersebut diperkenalkan sembilan tahun lalu. Aturcara turut diserikan dengan persembahan Pencak Silat dan tarian tradisional ‘Dengarkan’ serta ‘Mo Li Hua’ atau ‘Bunga Melor’ versi dwi-bahasa (Melayu dan Mandarin) oleh para belia dan alumni *ASEAN Young Leaders Training Programme*.



DISEMBER 2016

15. SUKAN PERSAHABATAN BIMP-EAGA KE-9, SAMARINDA, KALIMANTAN TIMUR, 2016

15(a). MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA DAN DOA SELAMAT BAGI KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jumaat, 2 Disember 2016 (Bilik VIP, Tingkat 1, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Negara Brunei Darussalam telah menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-9 yang akan diadakan bermula pada 6 hingga 12 Disember 2016 bertempat di Samarinda, Kalimantan Timur. Kontinjen negara telah menyertai sebanyak empat acara sukan iaitu Olahraga, Karatedo, Pencak Silat dan Sepak Takraw.
- Aturcara : Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan selaku Pengurus Majlis dan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, diteruskan dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku *Chef de Mission*. Majlis diakhiri dengan bergambar ramai bersama tetamu kehormat.
- Penyertaan : Kontinjen dianggotai seramai 21 orang terdiri daripada *Chef de Mission*, 12 orang atlet, 5 orang jurulatih, seorang pegawai urusetia, seorang pegawai perhubungan dan seorang ahli fisioterapi.



15(b). UPACARA SELAMAT BELAYAR BAGI KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Isnin, 5 Disember 2016 (Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei, Rimba)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Buat julung-julung kalinya, kontinen negara telah berlepas menggunakan pesawat CN 235, No 15 Skuadron Tentera Udara Diraja Brunei untuk penghantaran dan pengangkutan balik kontinen negara dari Samarinda, Kalimantan Timur. Semoga kerjasama ini akan dapat diteruskan ke arah pembangunan bersama di dalam bidang masing-masing.

Sukan Persahabatan BIMP-EAGA berupa kejohanan persahabatan dengan prinsip kekeluargaan, meningkatkan silaturrahim, perpaduan dan mengekalkan spirit of friendship ke arah pembangunan sukan dan keamanan di kalangan negara-negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina yang berjiran.



15(c). MAJLIS MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ahad, 11 Disember 2016 (Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei, Rimba)

- Hadir : Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen negara telah pulang ke tanahair selepas menyertai kejohanan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-9 di Samarinda, Kalimantan Timur 2016.

Mereka telah berjaya meraih empat pingat emas melalui Olahraga dalam acara 100 dan 200 meter, Pencak Silat dalam acara trio dan Sepak Takraw bagi acara regu. Manakala dua pingat perak menerusi sukan Olahraga bagi acara Lontar Peluru dan Sepak Takraw dalam acara Ganda Lelaki.

Pada Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-8 di Wilayah Persekutuan Labuan, kontinjen negara telah berjaya memenangi 3 pingat emas, 8 pingat perak dan 4 pingat gangsa melalui sukan Olahraga, Pencak Silat dan Sepak Takraw.



16. TIGA BELIA SERTAI ASEAN +3 ECO-TOURISM EVENT ON YOUTH, LUANG PRABANG PROVINCE, LAO PEOPLE'S DEMOCRATIC REPUBLIC

Isnin, 12 Disember (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Pengiran Anak Mohd Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : ASEAN +3 Eco-Tourism Event on Youth telah diadakan di Luang Prabang, Republik Demokratik Rakyat Lao pada 13 hingga 16 Disember 2016. Program bertujuan untuk memberi pendedahan kepada belia-belia agar memberikan perhatian kepada khazanah hutan hujan tropika agar lebih berdaya tahan untuk dinikmati oleh generasi akan datang di samping untuk menjana ekonomi.
- Penyertaan : Seramai tiga orang belia terdiri daripada Dayang Nooryanti binti Haji Badaruddin, Pegawai Pertanian selaku Ketua Rombongan, Dayang Nurol Izazi binti Awang Zaini, wakil daripada Persatuan Green Brunei dan Awang Muhammad Amir bin Haji Muhammad Rawi, Pengasas Bersama Projek Bebuluh Eco-Trail.



17. PERKHEMAHAN BELIA TEMBURONG 2016

17(a). 30 PESERTA SERTAI PERKHEMAHAN BELIA TEMBURONG

Selasa, 6 Disember 2016 (Taman Batang Duri, Daerah Temburong)

- Keterangan : Program anjuran Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Kelab Belia Daerah Temburong telah diadakan selama tiga hari mulai 6 hingga 8 Disember 2016 yang mana merupakan aktiviti hujung tahun bersempena cuti penggal persekolahan yang bertujuan untuk memupuk semangat setiakawan dan mandiri dalam kalangan belia masa kini dalam suasana luar bandar yang jauh dari teknologi dan memasuki alam semula jadi yang segar dan tenang dengan memfokuskan kepada aktiviti perkhemahan dan pendedahan tema *survival* atau kelangsungan hidup.
- Program : Aktiviti melibatkan para peserta untuk mendirikan khemah, membuat aktiviti berkumpulan dan motivasi, mencari makanan untuk kelangsungan hidup, mengambil air di sungai, memancing ikan air tawar dan belajar memasak menggunakan bahan-bahan alami.

Para peserta juga didedahkan dengan *low rope* di Kem Logistik Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Temburong dan kempen kebersihan.
- Penyertaan : Seramai 30 orang peserta dan sukarelawan belia dari Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong.

17(b). MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL PERKHEMAHAN BELIA TEMBURONG 2016

Rabu, 14 Disember 2016 (Taman Batang Duri, Daerah Temburong)

- Hadir : Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman,
Ketua Pegawai Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai 30 peserta dan sukarelawan belia dari Daerah Brunei dan
Muara dan Daerah Temburong telah menerima sijil penyertaan.

Dua orang peserta iaitu Awang Jabbarullah bin Nasib dan Dayang Nurul Masyitah binti Haji Zaidon masing-masing telah terpilih sebagai penerima Anugerah Belia Cemerlang dalam program berkenaan.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, Penghulu Mukim Amo dan Persatuan Bulan Sabit Merah.

18. PROGRAM KEPIMPINAN SUKARELAWAN 2016 SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2016

18(a). MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KEPIMPINAN SUKARELAWAN 2016

Khamis, 15 Disember 2016 (Dewan Kuliah, Perkampungan Sukan, Berakas)

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Pengiran Anak Mohd Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim,
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : Program Kepimpinan Sukarelawan 2016 telah diadakan selama empat hari mulai 15 hingga 18 Disember 2016 sempena dengan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2016. Program tersebut adalah julung kali diadakan bagi memastikan para peserta diberikan pendedahan awal dalam aktiviti kesukarelawanan dan seterusnya memastikan para peserta diberikan peluang untuk menyumbang kepada masyarakat.
- Program : Para peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti praktikal dan taklimat-taklimat mengenai kesukarelawanan, kepimpinan dan pemimpin, pengurusan sukarelawan, perkongsian ilmu dan sebagainya.
- Penyertaan : Seramai 30 orang belia terdiri daripada badan-badan bukan kerajaan, agensi-agensi swasta, institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

18(b). LAWATAN YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE PROGRAM KEPIMPINAN SUKARELAWAN 2016

Khamis, 15 Disember 2016 (Dewan Kuliah, Perkampungan Sukan, Berakas)

- YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah meninjau kemajuan para peserta Program Kepimpinan Sukarelawan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2016 yang bertemakan *GlobalApplause – Give volunteers a hand*.
- Keterangan : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada tahun ini memberi variasi kepada konsep sambutan di mana kali ini penekanan ialah kepada memberi ilmu kepada sukarelawan menerusi bengkel kepimpinan. Menyusul selepas ini pula, sambutan dalam bentuk sukan perpaduan di antara sukarelawan akan dijalankan yang akan melibatkan seramai mungkin sukarelawan terutama belia-belia.

5 Disember setiap tahun ialah hari di mana masyarakat sejagat memberikan penghargaan kepada sukarelawan. Tidak kira siapa mereka, apa yang mereka lakukan dan di mana mereka bekerja atau memberikan sumbangan, semua sukarelawan wajar menerima penghargaan dan diraikan.